

Syor perbanyak pameran

UM 3 1 MAR 2002

Oleh ABDUL HAMID
MOHAMMAD dan
HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 30 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pameran mengenai kesenian Islam perlu diperbanyakkan bagi memberi kefahaman sebenar mengenai keindahan Islam kepada masyarakat bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sekaligus akan dapat mengikis pandangan negatif orang bukan Islam terhadap agama Islam yang sering kali dikaitkan dengan keganasan.

Menurutnya, Islam adalah agama yang cukup indah dan keindahannya itu akan lebih terserlah dengan penganjuran lebih banyak pameran mengenainya.

“Pameran kesenian Islam perlu di diperbanyakkan lagi supaya dapat mengikis imej negatif tentang Islam yang kini dikaitkan dengan keganasan,” katanya.

Beliau berucap merasmikan pameran Kesenian Islam India di Muzium Kesenian Islam di sini, hari ini.

Pameran selama tiga bulan bermula esok itu akan mempamerkan sebanyak 174 koleksi bahan sejarah dan artifak kesenian Islam daripada India termasuk semasa kegemilangan Kesultanan Moghul.

Ita diadakan dengan kerjasama Muzium Kebangsaan New Delhi dan merupakan kali pertama bahan tersebut dibawa keluar dan dipamerkan di negara lain.

Sepanjang tempoh pameran itu turut diadakan

adalah seminar, bengkel, demonstrasi tarian dan jualan barangan perhiasan.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut merasmikan pelancaran buku dan laman web Muzium Kesenian Islam.

Perdana Menteri berkata, meskipun kebanyakan umat Islam dapat hidup dalam keadaan aman damai, namun, tindakan segelintir daripada mereka telah menjejaskan imej Islam itu sendiri.

Justeru, kata beliau, pameran seumpama itu akan dapat menyumbang pengetahuan asas dan pemahaman mengenai Islam kepada orang ramai supaya mereka tidak mudah dikelirukan.

“Saya gembira dengan penganjuran pameran kesenian Islam ini yang dianjurkan oleh umat Islam sendiri,” katanya.

seni Islam